

LPTA(S): KOD/024/21
14 Oktober 2010

Pemegang Lesen Zon Timur
Alamat seperti di Lampiran

Tuan,

SEMINAR KESEDARAN PERUNDANGAN 2010 (ZON TIMUR)

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) akan menganjurkan Seminar Kesedaran Perundangan kepada semua pemegang lesen yang bertujuan untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan Peraturan-peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 yang telah diwartakan pada 15 Februari 2010 bagi menggantikan Peraturan-peraturan Perlindungan Sinaran (Standard Keselamatan Asas) 1988. Seminar juga bertujuan memperkenalkan Sistem Perlesenan dan Penguatkuasaan (eSPP) iaitu sistem permohonan secara atas talian yang akan mula dilaksanakan pada tahun ini. Di samping itu, Seminar ini juga bertujuan untuk memperkukuhkan lagi kesedaran pemegang lesen terhadap perlindungan sinaran dan keperluan kawalan yang dilaksanakan oleh AELB.

3. Sehubungan dengan itu, **seorang wakil syarikat** (OBTL atau PPS) adalah dijemput untuk menghadiri Seminar di atas yang dikhususkan untuk pemegang lesen AELB di Zon Timur yang akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : **2 November 2010 (Selasa)**
Masa : **8.00 pagi – 5.30 petang**
Tempat : **Swiss Garden Resort Kuantan**
2656-2657 Mukim Sungai Karang
Kawasan Perindustrian Gebeng
26100 Balok, Pahang
Tel : 09-5447333
Program : **Lampiran A**

4. Bagi tujuan kehadiran, sila kemukakan Borang Pengesahan Kehadiran dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran B** yang disertakan. AELB mengenakan bayaran penyertaan seperti berikut:

"Ensuring Safety, Security and Safeguarding Peaceful Nuclear Activities"



(SILA CATATKAN NOMBOR RUJUKAN LEMBAGA INI APABILA BERHUBUNG)
<http://www.aelb.gov.my>

- i. **RM 75.00** untuk setiap peserta bagi peserta dari agensi/jabatan kerajaan; dan
- ii. **RM 150.00** untuk setiap peserta bagi peserta dari agensi/jabatan bukan kerajaan.

Pengesahan kehadiran dan bayaran hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada 28 Oktober 2010.

5. Pembayaran boleh dibuat melalui kiriman wang pos/ bank draf/ cek syarikat atas nama **Ketua Pengarah AELB** di lokasi berikut seperti berikut:

- i. **Ibupejabat AELB**, Batu 24, Jalan Dengkil, Selangor
Tel : 03-89225888
Faks : 03-89223685

atau

- ii. **AELB Cawangan Zon Timur**, PT 6980, Bukit Kuang Bussiness Centre, 24000 Kemaman, Terengganu
Tel : 09-8503362 / 60
Faks : 09-8503361

6. Sekiranya tuan memerlukan sebarang penjelasan lanjut, tuan dialu-alukan menghubungi Urusetia Seminar Kesedaran Perundangan 2010 di email skp2010@aelb.gov.my atau di talian 03-89225888.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



MONALIJA KOSTON
Pengerusi Jawatankuasa Seminar Kesedaran Perundangan 2010
b.p. Ketua Pengarah,
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom,
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

SEMINAR KESEDARAAN PERUNDANGAN 2010

Masa	Perkara
8.00 pg - 8.30 pg	Pendaftaran
8.30 pg - 9.15 pg	Majlis Perasmian
9.15 pg - 9.45 pg	Minum Pagi
9.45 pg - 10.30 pg	Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304)
10.30 pg - 12.00 tgh	Peraturan-peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010
12.00 tgh - 12.45 tgh	Format baru Skim Persijilan PPS
12.45 tgh - 2.00 ptg	Makan Tengahari
2.00 ptg - 2.45 ptg	Keselamatan Sinaran Asas
2.45 ptg - 4.15 ptg	Taklimat dan Demontrasi Sistem Perlesenan dan Penguatkuasaan (eSPP) berkaitan Perlesenan
4.15 ptg - 5.00 ptg	Taklimat dan Demontrasi Sistem Perlesenan dan Penguatkuasaan (eSPP) berkaitan Penguatkuasaan
5.00 ptg - 5.30 ptg	Majlis Penutup
5.30 ptg	Minum Petang dan Bersurai

BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom,
Batu 24, Jalan Dengkil
43800 Dengkil, Selangor
(u.p: Pn. Nuriati Nurdin/ Pn. Noraini Razali)
Faks : 03-89201780/ 03-89223685

Tuan,

SEMINAR KESEDARAN PERUNDANGAN 2010 (ZON TIMUR)

Saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa seorang wakil daripada syarikat iaitu ***OBTL/PPS** akan ***hadir /tidak hadir** ke Seminar di atas seperti butiran berikut:

Nama : _____
No. KP : _____
Jawatan : _____
Syarikat : _____
Tel /Faks : _____

Bersama-sama ini disertakan:

- i. Wang tunai sejumlah RM _____ ;
atau
- ii. Cek no. _____ bertarikh _____
berjumlah RM _____ di atas nama **Ketua Pengarah AELB.**

bagi tujuan pembayaran kerana menghadiri Seminar tersebut di atas.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Cop Rasmi Syarikat: _____

- Perhatian:*
1. ** Sila potong yang tidak berkenaan*
 2. *Sila kemukakan Borang Pengesahan Kehadiran dan bayaran kepada AELB sebelum **28 Oktober 2010***
 3. *Pengesahan kehadiran akan dimaklumkan melalui email*